

TINTA MINDA

Lindungi Anak Istimewa Dengan Pelan Keselamatan yang Proaktif



13/07/2026 08:29 AM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.



Oleh :

Dr Rozanizam Zakaria

Baru-baru ini, media sosial kita dihujani dengan berita pilu tentang tragedi seorang anak autisme yang ditemui lemas.

Peristiwa yang menyayat hati ini bukan sekadar sebuah berita duka, malah ia merupakan satu peringatan yang sangat penting buat kita semua.

Bagi sesetengah kanak-kanak, bahaya yang mendatang bukan berpunca daripada kenakalan atau kedegilan, tetapi kerana cabaran dalam aspek perkembangan mereka sendiri.

Kanak-kanak dengan gangguan perkembangan seperti gangguan spektrum autisme (ASD), gangguan kurang daya tumpuan dan hiperaktiviti (ADHD) serta ketidakupayaan intelektual mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mengalami kecederaan, eksploitasi dan menjadi mangsa berbanding rakan sebaya mereka.

Mereka terdedah kepada bahaya fizikal seperti kemalangan jalan raya, lemas dan keracunan, serta bahaya sosial seperti buli, penderaan dan pengabaian.

Kesukaran dalam perhatian, impulsiviti, komunikasi sosial dan pemprosesan sensori boleh menjejaskan kesedaran terhadap keselamatan, menyebabkan aktiviti harian seperti melintas jalan, bermain di luar atau bergerak di kawasan sekolah menjadi lebih berisiko.

Kajian menunjukkan bahawa risiko yang meningkat ini juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran.

Sebagai contoh, kanak-kanak dengan ADHD mungkin tersalah menganggarkan kelajuan atau jarak kenderaan yang sedang menghampiri, atau bertindak secara impulsif berhampiran jalan raya.

Kanak-kanak dengan autisme atau ketidakupayaan intelektual pula mungkin menghadapi kesukaran memahami arahan keselamatan atau mentafsir papan tanda keselamatan yang kompleks.

Kata kunci

lindungi

anak istimewa

pelan

keselamatan

proaktif

kawalan

Artikel berkaitan



Budaya Viral Sedang Menghukum Kanak-kanak



Pelajar Latihan Industri: Belajar Bekerja Atau Galas Tanggungjawab Pekerja?

Artikel terkini



Institusi Yang Kita Wariskan



Durian, Oh Durian!



Adab dan Maruah: Benteng Organisasi Dan Masyarakat

Kehadiran masalah sensori atau kecacatan fizikal yang berlaku serentak, seperti gangguan penglihatan atau pendengaran, boleh meningkatkan lagi risiko tersebut.

Pada masa yang sama, faktor sosial dan persekitaran seperti kemiskinan, kediaman yang sesak, kekurangan kawasan permainan yang selamat dan infrastruktur yang tidak mesra orang kurang upaya menyebabkan sesetengah keluarga dan komuniti menanggung beban kecederaan dan kemudaratan yang sebenarnya boleh dicegah.

Risiko keselamatan ini bukan sahaja menjejaskan kanak-kanak dan keluarga mereka, malah memberi kesan kepada sekolah, sistem kesihatan dan masyarakat.

Kecederaan yang boleh dicegah, insiden anak hilang tanpa disedari, buli dan penderaan boleh menyebabkan kemasukan ke hospital, kecacatan jangka panjang serta masalah kesihatan mental, di samping meningkatkan kos kepada sistem kesihatan.

Kebimbangan terhadap keselamatan juga boleh mengehadkan penyertaan kanak-kanak dalam pendidikan dan aktiviti sosial, manakala keluarga sering mengalami tekanan berpanjangan dan terpaksa menyediakan pengawasan berterusan, yang boleh menjejaskan kesejahteraan serta keadaan sosioekonomi mereka.



Memahami risiko: Antara aspek keselamatan yang wajib dinilai

Ibu bapa, penjaga, dan pengamal perubatan perlu bekerjasama dalam menilai tahap keselamatan anak istimewa ini. Antara persoalan kritikal yang wajib diteliti termasuklah:

- Kecenderungan untuk hilang dari penjagaan/merayau: Adakah anak tersebut mempunyai kecenderungan untuk keluar dari rumah atau kawasan selamat tanpa disedari?
- Kefahaman Tentang Bahaya: Adakah anak itu benar-benar memahami risiko di tempat-tempat kritikal seperti jalan raya, sungai, kolam, atau laut?

- Kemahiran Komunikasi Asas: Bolehkah anak menyebut nama sendiri, alamat rumah, atau nombor telefon penjaga sekiranya mereka tersesat? Adakah isu komunikasi menyukarkan mereka untuk meminta pertolongan?
- Sikap Terhadap Orang Asing: Adakah anak terlalu mesra dan mudah mengikut orang yang tidak dikenali?
- Impulsiviti Tinggi: Adakah mereka suka memanjat, berlari, atau meneroka kawasan baharu secara melulu tanpa menyedari risiko kecederaan?
- Daya Tarikan Luar Biasa: Adakah anak mempunyai obsesi atau tertarik kepada air, kenderaan bergerak, atau objek yang berbahaya?

Langkah praktikal untuk ibu bapa dan penjaga

Bagi memastikan keselamatan anak-anak istimewa ini sentiasa terpelihara, langkah-langkah intervensi awal dan praktikal harus dilaksanakan segera di peringkat rumah lagi:

Kawalan fizikal dan persekitaran rumah

Lakukan penilaian keselamatan di rumah dan persekitaran secara berkala. Pasang kunci tambahan yang tinggi atau sistem penggera pada pintu dan pagar sekiranya anak mempunyai risiko tinggi untuk keluar sendirian.

Selain itu, pastikan pengawasan menjadi lebih rapi dan ketat sekiranya berada di kawasan berhampiran air seperti swimming pool, sungai, atau pantai.

Pendidikan keselamatan berterusan

Ajarkan kemahiran keselamatan secara berulang-alik mengikut tahap kefahaman mereka.

Penggunaan alat bantuan visual seperti gambar, cerita sosial (social stories), dan latihan praktikal (role-play) didapati sangat membantu kanak-kanak neurodivergen memahami konsep bahaya.

Penggunaan Teknologi dan Identiti

Sediakan kad pengenalan khas atau gelang identiti (medical alert bracelet) yang mengandungi maklumat perhubungan penting.

Bagi kanak-kanak yang mempunyai kecenderungan tinggi untuk melarikan diri (high-risk wanderers), pertimbangkan penggunaan peranti penjejak global (GPS) yang dipasang pada pakaian, kasut, atau jam tangan mereka.



Pemeriksaan komuniti dan pelan kontingensi

Maklumkan kepada ahli keluarga terdekat, jiran tetangga, pengasuh, dan pihak sekolah mengenai keperluan keselamatan khas anak anda. Sokongan komuniti amat penting sebagai mata dan telinga tambahan.

Akhir sekali, sentiasa simpan gambar terkini anak bersama pelan tindakan kecemasan yang lengkap sekiranya berlaku insiden kehilangan.

Keselamatan bukan sekadar mengongkong

Sering kali timbul salah faham bahawa memperketatkan kawalan keselamatan bermakna kita menyekat kebebasan anak-anak ini untuk membesar.

Hakikatnya, keselamatan bukan bermaksud mengongkong kebebasan anak, tetapi memastikan mereka dapat meneroka dunia dengan perlindungan yang sesuai mengikut keupayaan mereka.

Menjaga anak-anak syurga ini memerlukan kesiapsiagaan yang luar biasa. Dengan adanya pelan keselamatan yang proaktif, kita bukan sahaja mampu mengurangkan risiko tragedi, malah dapat memberikan mereka ruang untuk berkembang dengan selamat dan bermaruah.

Demi keselamatan anak-anak istimewa kita, bertindaklah hari ini sebelum terlambat.

-- BERNAMA

Dr Rozanizam Zakaria merupakan pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja dan pensyarah di Kulliyah Perubatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

(Semua yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pendapat penulis dan tidak menggambarkan dasar atau pendirian rasmi BERNAMA)